JABATAN PELAJARAN NEGERI SEMBILAN

CANANG 1

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN **011**

Mei

50 minit **Lima puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

 © *Canang 2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

Soalan 1 - 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1 "Cikgu Rosli meminta _____ menyimpan peralatan sukan ke dalam stor," arah Shuib kepada rakan-rakannya.

A saya
B kita
C kami
D mereka

Soalan 2 *berdasarkan gambar di bawah.*



2 _____ bawang besar itu dibiarkan sahaja di atas papan pemotong.

A Hirisan
B Belahan
C Kupasan
D Kepingan

3 Ketua Darjah Tahun 6 Gemilang berasa _____ akan sikap rakan-rakan sekelasnya yang tidak memberi kerjasama.

A bangga
B kesal
C cemas
D bimbang

4 Tidurnya terganggu oleh suara nyamuk yang _____ sepanjang malam.

A mendayu-dayu
B mengilai-ngilai
C mengiang-ngiang
D mendesing-desing

011 © 2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan

5 Puan Laili _____ wang saku itu kepada anak-anaknya.

A beri
B diberi
C berikan
D memberikan

Soalan 6 *berdasarkan gambar di bawah.*



6 Malik _____ kawannya sambil menuding ke arah gadis itu.

A menyinggung
B menumbuk
C menggesel
D mencuit

7 Hanya _____ murid yang tidak mematuhi peraturan sekolah.

A seluruh
B setengah
C segelintir
D sebahagian

8 Pak Harun menambat kambingnya _____ sebatang pokok rambutan _____ belakang rumahnya.

A di ... di
B di ... pada
C pada ... ke
D pada ... di

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

9 Encik Murad mengambil pembantu rumah _____ membantu isterinya.

A sejak
B akan
C untuk
D dengan

Soalan 10 *berdasarkan gambar di bawah.*



10 Kakak _____ ikan yang telah disiang itu dengan pisau yang tajam.

A membelah
B menakik
C mengelar
D menghiris

11 Dia _____ boleh tahu akan hal itu kerana masih rahsia.

A mungkin
B belum
C sudah
D patut

12 Tun Dr. Mahathir Mohamed merupakan _____ yang terkenal.

A sasterawan
B budayawan
C negarawan
D karyawan

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

Soalan 13 *berdasarkan gambar di bawah.*

13 Datuk _____ dedaun kering itu untuk mencari cincinnya yang terjatuh.

A menguis
B menyapu
C menolak
D menyelak

14 Vimala tidak dapat berbuat apa-apa _____ mendiamkan diri.

A selain
B selagi
C sambil
D malahan

Soalan 15 *berdasarkan gambar di bawah.*



15 Wak Karim menggunakan _____ untuk mengasah gergajinya.

A taji
B kikir
C pisau
D beliung

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

16 Emran disuruh oleh ibunya mengambil beberapa _____ serai untuk dicampurkan ke dalam masakannya.

A ruas
B dahan
C batang
D rumpun

17 Keadaan di kelas Tahun 4 Jujur riuh-rendah semasa ketiadaan guru.

Pilih **peribahasa** yang sesuai berdasarkan pernyataan di atas.

A bagai mencencang air
B bagai kumbang putus tali
C bagai bunyi cempedak jatuh
D bagai langau mengerumuni bangkai

Soalan 18 *berdasarkan gambar di bawah.*



18 Pak Mail terpaksa _____ mencari rezeki demi menyara keluarganya.

A bermandi peluh
B bermasam muka
C bermuka dua
D membuka mata

19 Harith dan kawan-kawannya gigih menjalani latihan hoki. _____ pertandingan semakin hampir.

A Oleh itu
B Oleh sebab
C Tambahan pula
D Lebih-lebih lagi

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

20 Acap kali Akram menemani bapanya ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Pilih **perkataan seerti** bagi acap kali.

A jarang sekali
B sering kali
C setiap kali
D sesekali

21 Pemuda yang bersuara lantang itu telah dipilih sebagai ketua pasukannya.

Pilih **perkataan berlawan** bagi lantang.

A kuat
B nyaring
C perlahan
D gemersik

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan betul.*

22 I Air yang hening itu mengalir dari bukit.
II Suasana pada malam itu begitu hening dan tenteram.
III Keadaan lalu lintas di ibu kota menjadi hening pada musim perayaan.
IV Ashpal tidak dapat memberikan tumpuan di dalam kelas kerana kepalanya hening.

A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV

23 I Dari hari ke hari perangainya semakin larut.
II Adnan mengulang kaji pelajarannya hingga larut malam.
III Walaupun sudah pelbagai jenis ubat dicuba, penyakitnya semakin larut.
IV Ibu membelikan kasut baru untuk Deraman kerana tapak kasutnya sudah larut.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

011 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

24 *Pilih* **jawapan** *yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Apakah yang sedang kamu fikirkan?

A Saya sedang bermimpi pada siang hari.
B Fikiran saya kusut mengenangkan kejadian tadi.
C Saya rasa awak tahu apa yang sedang saya impikan.
D Saya sedang mencari cara menyelesaikan masalah ini.

25 *Pilih* **ayat tanya** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Alia sering termenung sejak akhir-akhir ini.

A Alia termenung sejak akhir-akhir ini?
B Sejak akhir-akhir ini termenung, kenapa?
C Akhir-akhir ini menungkan siapa?
D Keadaan Alia bagaimana?

Soalan 26 – 27

Pilih ayat yang **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

26 Surat itu telah saya poskan di Batu Kikir semalam.

A Saya ke Batu Kikir untuk mengeposkan surat itu.
B Semalam saya telah mengeposkan surat itu di Batu Kikir.
C Saya telah mengeposkan semalam surat itu di Batu Kikir.
D Di Batu Kikir itulah saya telah poskan surat semalam.

27 Hashim mengeluh mengenangkan nasib dirinya yang sering dirundung malang.

A “Aduh, kenapalah begini malang nasib diriku ini!” keluh Hashim.
B “Wahai diri, kenapa engkau sering dirunding malang!” keluh Hashim.
C “Huh, mengapakah nasibku malang selalu!” keluh Hashim.
D “Amboi, malang sungguh nasibku ini!” keluh Hashim.

011 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

Soalan 28 – 30

Pilih **ayat** *yang betul.*

28 I Dia tidak sanggup menceritakan tentang hal itu lagi.
II Rokiah menceburi bidang kewartawanan kerana minat.
III Yusri mengetahui perkara itu daripada rakan karibnya.
IV Omar bertanyakan mengenai keputusan ujiannya.

A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV

29 I Mahani bukan cantik sangat tetapi dia pandai bergaya.
II Wahida tidak berasa malu untuk bertanya gurunya.
III Encik Baharom bukan pandai berniaga.
IV Buku itu tidak untuk rujukan murid.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

30 I Hanya sardin goreng sahaja yang dimasak oleh abang,
II Bajunya basah kena hujan sepanjang malam.
III Berguni-guni beras telah ditemukan di gudang itu.
IV Saya tidak boleh pergi bersama kamu tanpa izin daripada ibu.

A I dan II
B III dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah

011 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Nanas atau nama saintifiknya *Ananas comosus* ialah sejenis tumbuhan tropikal. Nanas ialah tumbuhan asli berasal dari Amerika Selatan. Nanas ini berada dalam kumpulan tumbuhan yang rendah saka bak herba. Daun nanas mempunyai 30 atau lebih daun yang panjang dan tajam mengelilingi batang yang tebal. Buahnya dikenali sebagai '*pineapple'* dalam bahasa Inggeris kerana bentuknya seperti pokok kon pain.

Nanas ditanam daripada penunasan bahagian atas buah, anak pada pangkal pokok induk atau pangkal buah dan tisu kultur yang dijadikan benih. Burung madu merupakan pendebunga biasa bagi buah nanas.

Kadar pertumbuhan nanas bergantung kepada kelembapan tanah. Pokok nanas selalunya tumbuh setinggi 50 cm hingga 150 cm. Tanah yang terlalu kering sebab utama merencatkan pertumbuhan nanas sementara tanah yang terlalu basah boleh menyebabkan jangkitan kulat pada akar dan pangkal pokok. Oleh itu, pengawalan pengurusan air penting untuk menjamin pertumbuhan yang baik.

Nanas mengandungi khasiat vitamin A, B1 dan bromelain. Ia juga mengandungi asid sitrik yang berkesan untuk menghilangkan lemak dan menguruskan badan.

Buah nanas sedap dimakan mentah atau dibuat jus minuman. Pemakanan nanas boleh melawaskan buang air kecil, merangsang penghadaman, sakit kerongkong, masalah hati dan demam kuning. Air nanas muda sesuai digunakan untuk rawatan pelbagai penyakit paru-paru dan membunuh cacing dalam perut. Nanas juga dipercayai mampu merawat barah. Dua molekul daripada buah nanas menunjukkan hasil yang baik bagi melawan pertumbuhan barah. Nanas bagaimanapun tidak sesuai untuk ibu yang mengandung.

Buah dan pokok nanas boleh dijadikan sumber komersial asid organik seperti asid askorbik, asid malik dan asid sitrik. Batang dan buahnya pula boleh digunakan untuk melembutkan daging dalam masakan. Serabut nanas pula yang diperoleh dari daun nanas boleh dibuat kain yang berkualiti. Daun nanas yang kering dipintal untuk dijadikan benang oleh orang-orang tua zaman dahulu.

Jus nanas ini bukan sahaja merupakan minuman yang lazat tetapi juga dapat mengatasi masalah kekeringan di bahagian bibir dan di bahagian muka. Amalan minum jus nanas juga berkesan untuk atasi masalah kencing tidak lawas. Enzim yang terdapar pada buah nanas boleh meredakan bengkak-bengkak, kuatkan daya tahan badan serta hapuskan fibrin yang boleh membawa sakit jantung dan strok. Selain itu, buah ini juga melancarkan perjalanan haid serta berkesan dalam mengatasi masalah pencernaan, pundi kencing, cacing dan kelesuan tubuh badan.

011

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

31 Nanas ialah sejenis tumbuhan yang diibaratkan sebagai tumbuhan

A saka
B herba
C renek

32 Kebanyakan pokok nanas ditanam dengan menggunakan

A buah
B tunas
C batang
D daun

33 Apakah penyebab utama pertumbuhan pokok nanas terganggu?

A Serangan kulat
B Kawasan berair
C Pokok yang busuk
D Tanah yang terlalu kering

34 Penyataan berikut benar tentang nanas **kecuali**…

A berasal dari selatan negara kita.
B memerlukan sistem pengairan yang baik
C baik untuk sistem penghadaman badan
D sesuai dimakan mentah

35 Pada zaman dahulu nanas menjadi tumbuhan penting bagi menghasilkan

A benang
B pakaian
C makanan
D minuman

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

Soalan 36 – 40
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Laporan Kelab Sains Sekolah Kebangsaan Taman Indah Jaya

Kelab Sains Sekolah Taman Indah Jaya ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2002. Tahun ini, ahli kelab yang berdaftar ialah seramai 42 orang terdiri daripada murid-murid tahap dua. Jawatankuasa kelab telah ditubuhkan semasa mesyuarat yang pertama bagi mengendalikan segala perancangan dan aktiviti kelab ini. Ahli jawatankuasa Kelab Sains bagi tahun 2009 adalah seperti yang berikut:

Guru Penasihat :
1. Encik Aman Shah bin Hambali
2. Encik Kamarul bin Shahidan
3. Puan Suriyati binti Ahmad

Pengerusi : Muhamad Shafizan bin Razak
Naib Pengerusi : Lee Tze Siong

Setiausaha : Nurayu Nadzira binti Hashim
Bendahari : Luqman Hakim bin Mansor

Ahli jawatankuasa : Rajeswary a/p Vijayakumar
Nurfatihah binti Asmaon
Muhamad Ikhmal bin Johari

Kelab Sains telah menjalankan pelbagai aktiviti pada semester yang pertama antaranya membina Zoo Mini. Zoo Mini ini adalah **ilham** ahli kelab semasa perjumpaan yang pertama. Zoo Mini ini dibina bersebelahan makmal sains. Pelbagai haiwan ditempatkan di sini. Haiwan-haiwan ini telah disumbangkan oleh guru-guru, ahli kelab sains dan orang perseorangan. Di sekitar kawasan zoo mini ini juga telah ditanam dengan pelbagai tanaman herba antaranya mas cotek, misai kucing dan tumbuhan herba yang lain.

Pada semester yang kedua Kelab Sains telah mengadakan karnival sains peringkat sekolah. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pameran, pertandingan reka cipta peralatan sains dan pertandingan sudut sains. Karnival ini telah mendapat sambutan yang baik daripada warga sekolah. Karnival ini juga dapat memberi pengetahuan kepada warga sekolah tentang kepentingan sains dalam kehidupan. Kejayaan aktiviti ini disebabkan adanya kerjasama daripada guru penasihat dan ahli kelab dalam semua aktiviti yang dijalankan.

Jawatankuasa Kelab Sains berharap agar ahli-ahli kelab sentiasa mempunyai keyakinan yang tinggi dan dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

Laporan disediakan oleh, 4 NOVEMBER 2009

Nurayu Nadzira
(NURAYU NADZIRA BINTI HASHIM)

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*

36 Siapakah yang menulis laporan ini?

A Pengerusi
B Naib Pengerusi
C Setiausaha
D Bendahari

37 Perkataan **ilham** dalam petikan sesuai digantikan dengan

A idea
B cetusan
C pendapatan
D perbincangan

38 Aktiviti kelab sains yang dirancang dapat diadakan dengan jayanya kerana

A Warga sekolah selalu membantu kelab sains.
B Ahli jawatankuasa sentiasa mengadakan mesyuarat.
C Guru penasihat banyak memberi cadangan aktiviti yang sesuai.
D Semua ahli kelab sentiasa bekerjasama ketika aktiviti dijalankan.

39 Semua jenis haiwan di bawah sesuai dipelihara di zoo mini sekolah tersebut **kecuali**

A arnab
B burung merpati
C kucing hutan
D burung merbuk

40 Pilih pernyataan yang benar dalam petikan di atas.

A Jawatankuasa kelab sains seramai sepuluh orang murid.
B Zoo Mini ilham ahli kelab semasa perjumpaan yang pertama.
C Karnival sains tidak mendapat sambutan daripada warga sekolah.
D Pelbagai tumbuhan ditanam sekitar taman sains.

KERTAS SOALAN TAMAT

 © *2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan*